

**GARIS PANDUAN AGIHAN ZAKAT
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1. Asnaf Yang Layak Dipertimbangkan

1.1 [Fakir](#)

- 1.1.1 pelajar beragama Islam dan sedang meneruskan pengajian di USIM; dan
- 1.1.2 pelajar yang ketua keluarganya tidak mempunyai sumber kewangan atau mempunyai sumber kewangan tetapi tidak halal atau mempunyai sumber kewangan yang halal tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah; atau
- 1.1.3 pelajar dan/atau ketua keluarganya tidak bekemampuan untuk menyara diri sendiri dan/atau tanggungannya; atau
- 1.1.4 pelajar dan/atau ketua keluarganya hilang tempat bergantung atau teraniaya; atau
- 1.1.5 pelajar dan/atau ketua keluarganya telah menerima bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencapai 50 peratus had kifayah.

1.2 [Miskin](#)

- 1.2.1 pelajar beragama Islam dan sedang meneruskan pengajian di USIM; dan
- 1.2.2 pelajar yang ketua keluarganya mempunyai sumber kewangan yang halal dan mencapai 50 peratus keperluan diri dan tanggungan tetapi tidak mencapai 100 peratus had kifayah; atau
- 1.2.3 pelajar dan/atau ketua keluarganya mempunyai harta tetapi hasilnya tidak mencapai had kifayah; atau
- 1.2.4 pelajar dan/atau ketua keluarganya mempunyai sumber kewangan yang halal dan mencapai 50 peratus keperluan diri sendiri dan/atau tanggungannya tetapi tidak mencapai 100 peratus had kifayah; atau

- 1.2.5 pelajar dan/atau ketua keluarganya telah menerima bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencapai 100 peratus had kifayah; atau
- 1.2.6 pelajar dan/atau ketua keluarganya cacat atau menghidap penyakit kronik dan berupaya mencapai 50 peratus keperluan diri sendiri dan/atau tanggungannya tetapi tidak mencapai 100 peratus had kifayah.

2. **Penetapan Had Kifayah**

- 2.1 Had kifayah berperanan untuk menetapkan kriteria yang melayakkan seseorang individu pelajar menerima zakat.
- 2.2 Had kifayah hendaklah digunakan untuk menentukan sama ada seseorang pelajar layak menerima zakat atau sebaliknya dan sekiranya layak, had kifayah juga hendaklah digunakan untuk menentukan kadar zakat yang diterima.
- 2.3 Penilaian had kifayah seseorang pelajar hendaklah meliputi item yang berikut:

- 2.3.1 pendapatan isi rumah;

Merujuk kepada pendapatan kasar yang diperolehi oleh seisi rumah keluarga pelajar iaitu ketua keluarga/bapa, dan pasangan kepada ketua keluarga yang bekerja. Jumlah pendapatan kasar mereka hendaklah digabungkan untuk mendapatkan jumlah pendapatan isi rumah.

- 2.3.2 jumlah tanggungan dan perbelanjaan;

Merujuk kepada jumlah pemastautin atau ahli keluarga yang tinggal di dalam rumah keluarga pelajar tersebut yang tidak bekerja dan perlu ditanggung serta perbelanjaan asas yang perlu diambil kira di dalam pengiraan had kifayah.

- i. Keperluan Asas

Keperluan asas yang diambil kira dalam penentuan had kifayah adalah seperti berikut:

- a) Perlindungan/ Tempat tinggal

merangkumi perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk seisi rumah termasuk sewa rumah, bil elektrik, bil air dan segala yang berkaitan dengan keperluan asasi sebuah rumah.

b) Makanan dan minuman

merangkumi segala bahan makanan dan minuman yang dimakan dan diminum oleh ahli rumah dan tanggungannya mengikut uruf.

c) Pakaian

merangkumi segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian harian, pakaian sekolah, pakaian kerja dan lain-lain mengikut uruf.

d) Perubatan

merangkumi segala bentuk perubatan dan peralatan yang diambil oleh ahli rumah seperti rawatan, pembelian ubat-ubatan di kedai ubat atau farmasi dan sebagainya.

e) Pendidikan

merangkumi segala perbelanjaan yang berkaitan pendidikan ahli rumah seperti perbelanjaan yuran sekolah/kolej/universiti, pembelian buku-buku asas dan segala yang berkaitan dengan pendidikan.

f) Pengangkutan

merangkumi segala perbelanjaan yang berkaitan pengangkutan berbayar ahli rumah seperti petrol, bayaran ansuran kenderaan, tambang bas, tambang teksi dan segala bentuk pengangkutan berbayar pada tahap yang munasabah.

ii. Kategori

Kategori isi rumah mempunyai kadar keperluan tertentu dan berbeza mengikut kedudukan dalam keluarga iaitu sama ada ketua keluarga atau tanggungan dan bersekolah atau sebaliknya. 7 kategori yang dikenal pasti adalah seperti Jadual 1 yang berikut:

Bil.	Kategori	Definisi
1	Ketua Keluarga	Suami/Isteri atau ibu/bapa tunggal atau seorang diri (sebatang kara).
2	Dewasa	Isteri/suami jika ditanggung oleh ketua keluarga sama ada bekerja/tidak bekerja dan/atau ibu/bapa yang perlu disara dan/atau tanggungan tidak bersekolah berumur lebih daripada 18 tahun dan/atau tanggungan/anak yang bekerja tetapi masih tinggal bersama.
3	Dewasa Bersekolah	Tanggungan/anak berumur 18 tahun ke atas yang masih menuntut.
4	Remaja Bersekolah	Tanggungan/anak berumur 13 hingga 17 tahun yang masih menuntut.
5	Kanak-kanak Bersekolah	Tanggungan/anak yang berumur 5 hingga 12 tahun yang bersekolah.
6	Remaja/Kanak-kanak Tidak Bersekolah	Tanggungan/anak yang berumur kurang daripada 18 tahun yang tidak bersekolah.
7	Kanak-kanak Berumur di Bawah 5 Tahun	Tanggungan/anak yang berumur kurang daripada 5 tahun.

Jadual 1 : Kategori Isi Rumah

iii. Lokasi

Perkiraan dan penentuan had kifayah adalah berbeza mengikut tiga lokasi berikut:

a) Bandaraya

Kawasan yang terletak di bawah kuasa pentadbiran Dewan/Majlis Bandaraya.

b) Kawasan Bandar

Kawasan yang terletak di bawah kuasa pentadbiran Majlis Perbandaran/Daerah dan kawasan operasinya.

c) Kawasan Luar Bandar

Kawasan yang berada di luar persempadanan Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau kawasan operasi Majlis Daerah.

iv. Status Rumah

Status rumah terbahagi kepada dua:

- a) Rumah percuma iaitu rumah milik sendiri atau didiami secara percuma.
- b) Rumah berbayar iaitu rumah milik sendiri yang belum habis dibayar atau rumah sewa dan seumpamanya.

2.3.3 bantuan penajaan (pinjaman/biasiswa);

Zakat akan diagihkan kepada pelajar yang tidak menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak sekiranya layak. Pelajar yang menerima bantuan penajaan (pinjaman/biasiswa) daripada mana-mana pihak adalah layak dipertimbangkan untuk menerima zakat sekiranya jumlah bantuan penajaan yang diterima tidak mencukupi tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pengagihan Harta Wakaf, Zakat dan Sumbangan USIM.

2.3.4 keputusan peperiksaan.

Zakat akan diagihkan kepada pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan yang setara dengan Lulus Terus Pengajian tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pengagihan Harta Wakaf, Zakat dan Sumbangan USIM.

2.4 Pengelasan asnaf fakir dan miskin

- 2.4.1 Pengelasan sesebuah isi rumah bagi menentukan sama ada mereka fakir atau miskin adalah berbeza di antara satu keluarga dengan satu keluarga yang lain.

3. Kadar dan Kaedah Pengagihan Zakat

- 3.1 Kadar zakat yang akan diagihkan kepada pelajar yang berkelayakan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pengagihan Harta Wakaf, Zakat dan Sumbangan USIM.

4. Permohonan

- 4.1 Pelajar yang tergolong dalam asnaf yang dinyatakan dan memenuhi had kifayah boleh mengemukakan permohonan zakat.

- 4.2 Permohonan hendaklah dibuat mengikut proses yang berikut:

4.2.1 permohonan hendaklah dibuat atas nama yang memohon

4.2.2 permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

- i. borang permohonan yang lengkap
- ii. salinan kad pengenalan pemohon;
- iii. salinan kad pengenalan/surat lahir bagi semua tanggungan bapa/ketua keluarga kepada pemohon;
- iv. salinan surat cerai/sijil kematian ibu bapa (jika berkenaan) kepada pemohon;
- v. salinan surat cerai/sijil kematian isteri/suami kepada pemohon (jika berkenaan);
- vi. salinan surat pengesahan pendapatan seperti slip gaji, pencen dan sebagainya (bagi bapa/ketua keluarga/penjaga dan pasangan yang bekerja);
- vii. slip keputusan peperiksaan terkini pemohon;